

Pertahan maruah negara: PM

BM 12 JUL 1992

Oleh Dzulrifley Zanudin

KOTA TINGGI: Rakyat perlu mempertahankan maruah bangsa dan kemerdekaan negara daripada golongan tidak bertanggungjawab, yang cuba memburukkan nama baik Malaysia di luar negara atau memaksa mengikut telunjuk negara asing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kebela-kangan ini ada rakyat tempatan, terutama pemimpin kesatuan sekerja sanggup ke luar negara untuk meminta rakyat asing mengenakan dasar tertentu terhadap negara

ini.

"Tekanan negara asing terhadap kita akan hanya merugikan rakyat negara ini, kerana dasar itu mengutamakan rakyat asing.

"Dasar itu juga hanya untuk kepentingan negara asing dan tidak memanfaatkan rakyat negara ini," katanya di pelancaran Skim Perumahan Bakti Ladang Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ), di Ladang Tunjuk Laut, kira-kira 50 kilometer, dari sini semalam.

Hadir sama Menteri Undang-Undang, Datuk

Syed Hamid Albar; Menteri Besar; Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Ketua Eksekutif PKENJ, Datuk Mohd Ali Hashim.

Skim itu yang dipercayai pertama di negeri ini, membolehkan pekerja ladang memiliki rumah sendiri dalam tempoh antara 10 dan 15 tahun.

Rumah berbandung batu, tiga bilik itu juga dilengkapi dengan kemudahan bekalan air dan elektrik tanpa catuan, serta kemudahan lain termasuk pusat jagaan kanak-kanak, kedai, klinik dan tempat bersukan.

Sebanyak 51 unit ru-

mah batu berbandung disediakan di ladang itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak gentar dengan tindak-tanduk golongan itu yang tidak mungkin mencapai matlamatnya berikutan rekod baik Malaysia dalam pelbagai bidang, termasuk kemampuan serta keteguhan ekonominya, selama ini.

"Kita juga tidak terlalu bergantung atau membuat pinjaman yang besar dari negara luar.

"Kerajaan juga bertanggungjawab kepada rakyat yang memilihnya dan bukan kepada pihak lain," katanya.